

**Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)** Sesi 2005/2006, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan Pemerintahan Mahasiswa, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama bagi mengeratkan hubungan kerjasama di dalam pelbagai bidang yang telah dikenal pasti antara kedua-dua buah persatuan pelajar itu.

Majlis yang telah diadakan di Restoran Terapung, Kuala Perlis pada 7 Jun 2005 itu telah mencipta sejarah tersendiri bagi kedua-dua buah universiti. Ia adalah perjanjian persefahaman pertama yang membabitkan dua buah persatuan pelajar Institut Pengajian Tinggi di peringkat antarabangsa secara rasmi, baik bagi Malaysia maupun Indonesia sendiri.

Sofian Bin Yusoff, Naib Yang Dipertua, MPP Sesi 2005/2006 KUKUM dan Ilham Martua Harahap, Presiden Pemerintahan Mahasiswa UISU telah mewakili universiti masing-masing semasa majlis tandatangan tersebut. Ia telah disaksikan oleh Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan Drs. H. Abdul Hakim Siregar, Timbalan Rektor, Urusan Kemahasiswaan, UISU sendiri.

Perjanjian Persefahaman antara kedua-dua buah universiti itu antara lain akan membabitkan pertukaran pelajar khususnya yang membabitkan bidang pengajian yang sama, pertukaran informasi iaitu di mana kedua-dua buah persatuan akan cuba menerokai peluang-peluang yang sedia ada ke arah pertukaran idea serta maklumat yang kemudiannya boleh diterjemahkan ke dalam bentuk aktiviti bersama.

Delegasi lawatan UISU ke KUKUM seramai 15 orang dengan diiringi tiga orang pensyarah telah berada di universiti itu selama empat hari mulai 4 Jun 2005 lalu. Semasa di sini, mereka telah diberikan penerangan secara mendalam tentang latar belakang dan pembangunan universiti, program akademik yang ditawarkan serta dibawa melawat ke prasarana dan kemudahan yang terdapat di KUKUM.



# L MPP KUKUM, Pemerintahan Mahasiswa UISU Meterai MoU